

DW 4.6: Cadangan Penternakan Ayam Organik

Cadangan penternakan ayam organik adalah usaha untuk menerapkan amalan pertanian baik (GAP), aktiviti penternakan mesra alam dan mencapai skim pensijilan. Langkah-langkah yang disyorkan adalah untuk meningkatkan produktiviti penternakan dan pembangunan ekonomi desa yang berdaya saing.

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Mewujudkan sumber bekalan makanan kekal untuk pengeluaran daging ayam halal yang bermutu, moden dan mesra alam di dalam Johor Utara.
- Meningkatkan produktiviti ternakan ayam organik dan pendapatan pengusaha.
- Menyokong pembangunan industri hiliran berasaskan ternakan ayam organik seperti makanan sejuk beku.
- Ayam kampung organik terbukti mempunyai isi yang lebih padat, sihat dan 30 peratus rendah lemak berbanding ayam konvensional.
- Berpotensi pemasaran eksport ke luar negara termasuk Singapura dan negara ASEAN lain melalui pemborong, peruncit serta juga rangkaian makanan atau minuman.

Komponen Cadangan:

- Ternakan ayam kampung organik
- Kompleks pejabat ladang
- Kompleks penyelidikan dan pembangunan (R&D)
- Sistem pengurusan sisa
- Bilik sejuk beku
- Ke arah mencapai dua skim pensijilan iaitu Skim Pensijilan Organik Malaysia (*MyOrganic*) dan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (*MyGAP*) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)

Kaedah Pelaksanaan:

- Kerjasama awam dan swasta (Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pemilik Tanah).
- Cadangan penternakan ayam organik disyorkan untuk semua daerah di dalam Johor Utara khususnya ladang-ladang ternakan ayam sedia ada. Selain daripada menerapkan penternakan organik, cadangan yang disarankan adalah untuk mewujudkan amalan penternakan yang baik dan mesra alam.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **12 lokasi penternakan ayam organik**.

Daerah	Lokasi
Muar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kg. Paya Panjang 2. Kg. Selancar 3. Kg. Batang Batu 4. Felcra Bukit Kepong
Segamat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kg. Permatang Panjang 2. Kg. Genuang Baru 3. Kg. Rasau 4. Kg. Usaha Jaya
Tangkak	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kg. Parit Pulai 2. Felcra Kundang Ulu 3. Felcra Sri Ledang 4. Kg. Hujung Tambak
Jumlah	12

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perkhidmatan Veterinar 	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perkhidmatan Veterinar • Swasta • Pengusaha

ANGGARAN KOS

- Peruntukan bagi kos pembinaan dan kos bagi penyelenggaraan reban ayam (termasuk kemudahan dan infrastruktur) = RM 500,000 bagi setiap cadangan dengan jumlah kos RM 6,000,000.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 6,000,000

FASA PELAKSANAAN



Antara kelebihan penternakan ayam kampung organik adalah:

- i. Ayam kampung organik yang mengambil masa lebih lama iaitu lebih dari 70 hari bagi ayam mencapai ukuran optimumnya, tanpa pemberian antibiotik dan hormon pertumbuhan.
- ii. Ke arah mencapai dua skim pensijilan iaitu Skim Pensijilan Organik Malaysia (*MyOrganic*) dan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (*MyGAP*) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).
- iii. Ayam kampung organik terbukti mempunyai isi yang lebih padat, sihat dan 30 peratus rendah lemak berbanding ayam konvensional.
- iv. Ayam kampung organik mengambil dua (2) kali ganda masa untuk mencapai berat pasaran iaitu kira-kira 81 hari kerana mereka tidak menukar makanan menjadi otot dengan begitu cepat jika dibandingkan dengan ayam komersial biasa.
- v. Permintaan terhadap ayam kampung organik adalah tinggi serta bebas ancaman toksin hormon dan lebih enak.
- vi. Pemasaran eksport produk ayam kampung organik ke luar negara termasuk Singapura dan negara *ASEAN* lain melalui pemborong, peruncit serta juga rantai makanan atau minuman.



Foto: Contoh produk ayam kampung organik yang telah siap diproses untuk dijual.

Sumber: Laman web harian metro, hmetro.com.my/agro



Foto: Anak ayam kampung organik berusia seminggu


Sumber: Laman facebook/[ayamkampungKLUANG1001](https://www.facebook.com/ayamkampungKLUANG1001)



Foto: Penjagaan ayam kampung organik

Sumber: Laman facebook/[ayamkampungKLUANG1001](https://www.facebook.com/ayamkampungKLUANG1001)

Rajah 4.44: Cadangan Penternakan Ayam Organik Daerah Muar




Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Muar
- Sempadan Bandar (UGB dan UCB)
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut

- **Cadangan Penternakan Ayam Organik**
- 1 - Kg. Paya Panjang
- 2 - Kg. Selancar
- 3 - Kg. Batang Batu
- 4 - Felcra Bukit Kepong

Rajah 4.45: Cadangan Penternakan Ayam Organik Daerah Segamat




Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- | | |
|---|---|
| ● Taburan Kampung Daerah Segamat | ● Cadangan Penternakan Ayam Organik |
| Sempadan Fasa 3 (Johor Utara) | 1 - Kg. Permatang Panjang |
| Sempadan Daerah | 2 - Kg. Rasau |
| Sempadan Negeri | 3 - Kg. Genuang Baru |
| Lebuhraya PLUS | 4 - Kg. Usaha Jaya |
| Rangkaian Jalan Raya | |
| Laluan Kereta Api | |

Rajah 4.46: Cadangan Penternakan Ayam Organik Daerah Tangkak



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

PETUNJUK:

- Taburan Kampung Daerah Tangkak
- Sempadan Fasa 3 (Johor Utara)
- Sempadan Daerah
- Sempadan Negeri
- Lebuhraya PLUS
- Rangkaian Jalan Raya
- Laluan Kereta Api
- Laut

- **Cadangan Penternakan Ayam Organik**
- 1 - Kg. Parit Pulai
- 2 - Kg. Hujung Tambak
- 3 - Felcra Kundang Ulu
- 4 - Felda Sri Ledang